

Pernyataan Chilika

Kami, 400 peserta dari 32 negara, di Simposium Tanah Lembap Asia 2005, setelah bermesyuarat di Bhubaneswar dan Chilika, Orissa, India, dari 6-9 Februari 2005, dengan ini MENGENALPASTI:

Tanah lembap di Asia secara tradisinya telah menyumbang kepada kesejahteraan ekologi dan mata pencarian manusia melalui proses-proses dan fungsi-fungsi semulajadinya. Tekanan dari peningkatan bilangan penduduk dunia dan tiadanya kesedaran mengenai peranan tanah lembap telah mengakibatkan penyusutan tanah lembap dan pengguna-pengguna tempatan diancam dari segi kebolehan mereka untuk menggunakan sumber-sumbernya yang makin berkurangan. Oleh itu, wujudnya keperluan mendesak untuk menangani cabaran-cabaran yang timbul dari pembangunan sektor yang tidak seimbang, kemiskinan dan kemahiran yang tidak memadai untuk membaik pulih dan mengurus tanah lembap dengan berkesan.

laitu bersandarkan kepada Simposia Tanah Lembap Asia tahun 1992 dan 2001 dan saranan-saranan mereka yang menyediakan mekasma berkesan untuk mempromosi pemuliharaan dan penggunaan lestari tanah lembap di Asia melalui rangkaian organisasi-organisasi dan individu-individu di tahap antarabangsa serta kebangsaan. Kaedah-kaedah strategik baru, pembentukan rakan kongsi dan contoh-contoh perintis pengurusan berasaskan komuniti kian berkembang melalui perkongsian pengalaman dan pengetahuan dalam rantau tersebut.

laitu Lagun Chilika di India adalah suatu contoh pemuliharaan dan penggunaan lestari tanah lembap yang amat bagus dengan penekanan kuat ke atas penyertaan penduduk tempatan dan pengambilan keputusan secara berkongsi melalui rangkaian pengalaman tempatan, kebangsaan dan antarabangsa. Langkah-langkah membaik pulih yang diambil telah membawa kemajuan ketara dalam keadaan sosio-ekonomi masyarakat tempatan yang bergantung kepada Lagun Chilika untuk sara hidup di samping mengekalkan keutuhan ekologi.

laitu tsunami yang baru-baru ini melanda Lautan Hindi telah menjejaskan sumber pesisiran pantai dan mata pencarian orang ramai dengan teruk, dan telah menimbulkan cabaran-cabaran baru untuk pemulihan tanah lembap pesisiran pantai, termasuk hutan paya bakau, rumput laut, terumbu karang dan pelbagai ekosistem-ekosistem yang berkaitan.

Oleh itu, kami MENYERU:

Bahawa penyusutan tanah lembap yang disebabkan oleh pembangunan tidak lestari segera dihentikan dan dibalik pulihkan, dan strategi-strategi berasaskan pengetahuan dan teknik-teknik digunakan untuk memulihara dan membaik pulih ekosistem-ekosistem tanah lembap dan meningkatkan mata pencarian masyarakat tempatan. Nilai-nilai kebudayaan tanah lembap yang kuat perhubungannya dengan masyarakat-masyarakat tanah lembap diakui dan diterapkan ke dalam amalan-amalan pengurusan tanah lembap. Penyerlahan nilai-nilai ekologi dan sosio ekonomi tanah lembap dalam perancangan pembangunan diketengahkan untuk membasmi kemiskinan dan mewujudkan pelbagai jenis mata pencarian yang lestari.

Oleh itu, kami MENYERU UNTUK BERTINDAK:

Bahawa pendekatan-pendekatan inovatif berasaskan ekosistem digunakan untuk mempromosi pemuliharaan dan pengurusan tanah lembap untuk menampung mata pencarian secara lestari dengan penekanan atas:

- Pengendalian aliran alam semulajadi yang optimum untuk memastikan keutuhan fungsi ekosistem-ekosistem tanah lembap;
- Promosi pemuliharaan kepelbagaian biodiversiti dan penggunaan lestari sumber-sumber tanah lembap yang menggabungkan pengetahuan tradisi dan kearifan penduduk-penduduk tempatan;
- Dokumentasi dan perkongsian warisan dan nilai-nilai kebudayaan untuk menyediakan satu pentas bagi pemuliharaan dan pengurusan;
- Segera menyokong mata pencarian masyarakat tempatan melalui asas pengetahuan tradisi dan perusahaan-eko, termasuk eko-pelancongan, dan mempromosi perkongsian awam-swasta untuk menambah nilai kepada hasil keluaran tanah lembap untuk menjana pendapatan lebihan dan sejurusnya mengurangkan tekanan atas sumber-sumber tanah lembap;
- Mengukuhkan institusi-institusi berasaskan masyarakat dan kumpulan-kumpulan pengguna sumber tradisi untuk memastikan hak dan kepentingan mereka diakui dalam proses perancangan, pembangunan dan pelaksanaan pelan-pelan pengurusan tanah lembap;
- Menyerlahkan tanah lembap dalam perancangan pembangunan sektor di semua peringkat untuk memastikan pembangunan lestari;
- Penerimaan dasar-dasar pemuliharaan dan pengurusan tanah lembap, pelan-pelan dan strategi-strategi untuk penggunaan bijak tanah lembap;
- Pengenalpastian, promosi, dan penggandaan kes-kes rakan perkongsian yang berjaya dalam pengurusan dan pemuliharaan tanah lembap, dan menyebarkan contoh-contoh ini di tahap tempatan, kebangsaan dan rantau;
- Memberi kepentingan tertinggi kepada aktiviti-aktiviti pendidikan dan kesedaran sebagai asas kepada penukaran sikap dan pandangan terhadap pengurusan lestari tanah lembap;
- Mengukuhkan dan membangunkan program-program membina kapasiti untuk pengurus-pengurus tanah lembap, penggubal dasar, perancang-perancang, pengamal-pengamal, media, pembuat keputusan dan masyarakat-masyarakat tempatan;
- Membaik pulih tanah lembap untuk mengekalkan keutuhan ekologi dan produktiviti untuk menampung mata pencarian orang tempatan;
- Tindakan segera untuk pemulihan tanah lembap pesisiran pantai yang terjejas akibat tsunami untuk mengembalikan mata pencarian secara lestari masyarakat-masyarakat yang terbabit dan pemuliharaan kepelbagaian biologi.

Bahawasanya, pihak penganjur ingin mendapatkan sokongan dan bantuan daripada Kerajaan India dan Kerajaan Jepun untuk menyampaikan Pernyataan ini di Mesyuarat Wilayah Asia terhadap Konvensyen Tanah Lembap (Ramsar, Iran, 1971) yang akan datang, Mesyuarat ke sembilan Persidangan Parti-Parti Perikatan kepada Konvensyen Tanah Lembap yang akan di adakan di Kampala, Uganda pada bulan November 2005, dan di Persidangan Tasik Dunia ke sebelas yang akan berlansung di Nairobi, Kenya pada bulan Oktober, 2005.

Bhubaneswar, 9 Februari 2005